

Bil. 56

**Jumaat
1 September 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2007 (Halaman 1)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2007 (Halaman 23)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.J.N., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) – MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

-
26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
 27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
 28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
 29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
 30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
 31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
 32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
 33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
 34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
 35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
 36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
 37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
 38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
 39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

-
8. Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
 9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
 10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
 11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
 12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
 13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
 14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
 15. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
 16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
 17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
 18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
 19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
 20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
 21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
 22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
 23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
 24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
 25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
 26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
 27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
 28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
 29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
 30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
 31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 38. " Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
 43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO

45. Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO

-
82. Yang Berhormat Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. " Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. " Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP

117. Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

JUMAAT, 1 September 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00 ptg.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2007 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Allah s.w.t menjanjikan rezeki kepada setiap makhluk yang dilahirkan ke dunia ini seperti yang terkandung di dalam surah Sabaa Ayat 39, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] - "*Katakanlah: sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di kalangan hamba-hamba-Nya dan Dia juga menyempitkan bagi (siapa yang dikehendaki-Nya). Dan barang apa saja yang kamu nafkahkan (belanjakan), maka Allah akan menggantinya dan Dia-lah jua sebaik-baik pemberi rezeki.*"

Sebagai khalifah di Bumiputera Allah, manusia diamanahkan untuk menguruskan rezeki kurniaan ILAHI baik di dataran, di lautan mahupun di angkasa. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t kerana dengan izin dan rahmat dariNya juga, saya dapat membentangkan Bajet Negara bagi tahun 2007 di Dewan yang mulia ini bagi membolehkan kita mencapai matlamat pembangunan negara. Bajet ini adalah Bajet pertama, selepas Dewan ini meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kita kini berada di titik pertengahan tempoh pelaksanaan Wawasan 2020. tempoh yang akan kita tempuhi ini penuh dengan pelbagai cabaran. Kita perlu memperkukuhkan tekad, bertindak cerdas lagi pantas, tekun lagi berdedikasi, dengan satu tujuan, menjamin pencapaian matlamat pembangunan negara dalam tempoh masa yang ditetapkan. Rancangan Malaysia Kesembilan telah memperkenalkan Misi Nasional dengan menggariskan lima teras utama dasar pembangunan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang. Bajet 2007, bertemakan "Melaksanakan Misi Nasional Ke Arah Mencapai Wawasan Negara", merupakan satu agenda tindakan untuk memacu pelaksanaan Misi Nasional ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Antara teras utama Misi Nasional ialah untuk membolehkan sektor swasta menerajui semula pembangunan ekonomi negara, serta mempergiatkan lagi sumber penjana pertumbuhan baru berinsentif teknologi dan pengetahuan. Bajet 2007 akan menyediakan pelbagai insentif bagi merencanakan kembali peranan sektor swasta. Transformasi berterusan ke arah ekonomi berpaksikan teknologi dan pengetahuan, menuntut kepada tenaga kerja mahir yang mempunyai kompetensi bersesuaian dengan

keperluan industri. Oleh itu, langkah akan diambil untuk meningkatkan lagi akses kepada sistem pendidikan dan latihan yang berkualiti di semua peringkat.

Langkah juga akan terus ditingkatkan untuk mengurangkan keadaan ketidakseimbangan sosioekonomi, terutamanya bagi memastikan matlamat membasmi kemiskinan tegar dicapai sepenuhnya menjelang 2010. Program pembangunan lima Wilayah Persekutuan yang telah dikenal pasti untuk mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar, serta antara Wilayah Persekutuan, akan dipesatkan pelaksanaannya. Selaras dengan komitmen kerajaan untuk sentiasa menjamin kesejahteraan rakyat, program sosioekonomi untuk meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup akan dimantapkan. Penggubalan strategi dan program dalam Bajet 2007 akan diiringi dengan kesungguhan untuk melaksanakannya secara berkesan. Untuk ini, usaha mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam akan terus diperkukuhkan.

PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA

Pertambahan ekonomi negara pada tahun ini dijangka terus kukuh dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dianggarkan berkembang pada kadar 5.8 peratus, satu pencapaian yang baik memandangkan kepada ketidakpastian ekonomi global. Pelaburan swasta dijangka meningkat 10.1 peratus manakala penggunaan sektor swasta kekal kukuh pada kadar 7.1 peratus. Kecergasan kegiatan sektor swasta disokong, terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus menggalakkan. Ini dicerminkan oleh prestasi sektor pembuatan yang merupakan penyumbang utama pertumbuhan ekonomi, dengan kadar pertumbuhan 7.3 peratus. Prestasi sektor perkhidmatan juga terus kukuh dengan kadar pertumbuhan 5.7 peratus.

Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini diiringi oleh kedudukanimbangan pembayaran negara yang lebih baik, paras tabungan dan tahap kecairan yang kekal tinggi, serta nilai ringgit yang semakin kukuh. Akaun semasa imbalan pembayaran negara dianggarkan mencatatkan lebih 16.7 peratus pendapatan eksport barangan dan perkhidmatan. Tabungan negara terus tinggi pada paras 38.2 peratus daripada KDNK yang membolehkan negara membiayai sebahagian besar pembangunan daripada sumber dalam negeri. Sebanyak 95 peratus jumlah pinjaman negara diperolehi daripada sumber dalam negeri.

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bertambah kukuh berikutan peningkatan hasil, terutamanya hasil berkaitan petroleum, termasuk dividen Petronas, yang lebih tinggi. Ini membolehkan kerajaan menambah perbelanjaan bagi terus menggalak dan menyokong aktiviti pertumbuhan ekonomi negara. Peningkatan hasil ini juga telah membolehkan defisit belanjawan Kerajaan Persekutuan terus berkurangan daripada 5.7 peratus pada tahun 2000 dan 3.8 peratus pada tahun 2005 kepada 3.5 peratus daripada KDNK pada tahun semasa.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh membolehkan rakyat terus menikmati kualiti hidup yang tinggi. Pendapatan per kapita telah meningkat daripada RM18,040 pada tahun 2005 kepada RM19,740 pada tahun 2006. Dari segi kuasa beli pariti, ianya juga meningkat daripada USD10,610 kepada USD11,870 dalam tempoh yang sama.

Prospek ekonomi global bagi tahun 2007 dijangka lebih sederhana, disebabkan kesan daripada harga minyak yang kekal tinggi, tekanan inflasi yang semakin meningkat, kadar faedah yang lebih tinggi dan ketegangan geopolitik. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang lebih perlahan, pada kadar 4.7 peratus pada tahun 2007 berbanding 4.9 peratus pada tahun 2006, sementara perdagangan global pada kadar 7.5 peratus berbanding 9.6 peratus dalam tempoh yang sama. Perkembangan ini akan turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara di rantau ini, termasuk China, Singapura, Thailand dan India yang diramalkan mencatat pertumbuhan lebih perlahan.

Keadaan global ini sudah tentunya mempengaruhi prospek pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, dalam Bajet 2007, kerajaan akan melaksanakan dasar fiskal berkembang, di samping langkah untuk merencanakan lagi kegiatan sektor swasta dengan sokongan padu rakyat untuk menjayakan pelaksanaan strategi dan program dalam Bajet 2007, saya yakin

pertumbuhan ekonomi negara kan terus kukuh. Insya-Allah. KDNK dijangka meningkat enam peratus pada tahun hadapan. Pelaburan swasta dijangka bertambah mantap dengan pertumbuhan 10.5 peratus. Pelaburan awam juga dijangka terus berkembang pada kadar lapan peratus, berikutan peningkatan ketara 32.4 peratus pelaburan Kerajaan Persekutuan.

Sektor pembuatan akan terus mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.8 peratus, sementara sektor perkhidmatan, termasuk ICT, pelancongan dan pendidikan, dijangka meningkat 6 peratus. Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 4.7 peratus setahun sementara sektor pembinaan semakin berkembang pada kadar 3.7 peratus pada tahun 2007.

Kerajaan sentiasa prihatin akan kesan peningkatan harga, terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Kita bernasib baik kerana terus menikmati kestabilan harga, dengan kadar inflasi rendah di bawah dua peratus bagi tempoh 2000 hingga 2004. Sungguhpun, kesan peningkatan harga minyak telah menyebabkan Indeks Harga Pengguna meningkat ke paras 3 peratus pada tahun 2005 dan 3.9 peratus pada bulan pertama 2006, namun ianya lebih rendah berbanding beberapa negara lain di rantau ini.

Untuk memastikan kadar inflasi dapat dibendung, kerajaan menanggung subsidi minyak dan kehilangan cukai dijangka berjumlah RM19 bilion pada tahun ini, lebih tinggi daripada RM16 bilion pada tahun 2005. Berasaskan andaian harga minyak dalam lingkungan USD70 setong pada tahun hadapan, jumlah subsidi minyak ini dijangka kekal RM19 bilion. Antara usaha yang diambil Kerajaan untuk memastikan paras harga terus stabil ialah mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas harga barangan keperluan bagi memastikan semua peniaga lebih bertanggungjawab dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Harga beberapa komoditi lain telah mencatat peningkatan ketara, terutamanya harga kelapa sawit meningkat lebih setengah kali ganda, dan getah hampir tiga kali ganda semenjak tahun 2001. Alhamdulillah, pengeluar kelapa sawit dan getah, termasuk para pekebun kecil, kini, mendapat pendapatan lebih lumayan berikutan peningkatan harga bahan-bahan komoditi tersebut. Secara purata, peneroka kelapa sawit di kawasan FELDA memperoleh pendapatan RM1,300 sebulan, berbanding RM760 sebulan pada tahun 2000, manakala peneroka getah memperoleh RM3,600 sebulan berbanding RM720 sebulan pada tempoh yang sama. Memandangkan harga komoditi dijangka kekal tinggi pada tahun hadapan, peneroka kelapa sawit dan getah, Insya-Allah, akan terus menikmati pendapatan lumayan.

OBJEKTIF BAJET 2007

Misi Nasional yang merupakan rangka pembangunan bagi tempoh 15 tahun akan datang, menumpukan kepada usaha mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Objektif utama Bajet 2007 ialah untuk memastikan Misi Nasional diterjemahkan kepada program dan projek yang dapat dilaksanakan segera dan dengan lebih berkesan. Misi Nasional telah dirangka berlandaskan kepada lima teras utama, seperti berikut:

- (i) Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi;
- (ii) Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama';
- (iii) Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif;
- (iv) Meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; dan
- (v) Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

PERUNTUKAN BAJET 2007

Kerajaan akan memastikan perbelanjaan sektor awam terus menyokong dan menjana pertumbuhan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, membina modal insan yang mahir dan berpengetahuan, di samping memberi penekanan kepada program sosioekonomi, terutamanya peningkatan taraf dan kualiti hidup rakyat. Untuk ini, saya mencadangkan RM159.4 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2007. Daripada jumlah tersebut, RM112.9 bilion adalah bagi Peruntukan Mengurus, peningkatan 11.6 peratus berbanding peruntukan tahun 2006, dan RM46.5 bilion ringgit disediakan bagi Peruntukan Pembangunan, peningkatan 31 peratus.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 11.8 peratus kepada RM134.8 bilion. Daripada jumlah ini, hampir 40 peratus atau RM53.7 bilion merupakan hasil berkaitan petroleum, terutamanya dividen daripada Petronas dan cukai pendapatan petroleum. Peningkatan ketara ini telah membolehkan Kerajaan Persekutuan terus melaksanakan dasar fiskal yang mengembang bagi menyokong kegiatan ekonomi dalam negara, dan pada masa yang sama, dapat mengurangkan lagi defisit belanjawan kepada paras yang lebih mampan, iaitu 3.4 peratus daripada KDNK tahun 2007.

Di bawah Peruntukan Mengurus, sejumlah RM60 bilion atau 53.1 peratus adalah bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, RM25.8 bilion untuk Emolumen, RM23.1 bilion bagi Perkhidmatan dan Bekalan, RM2.1 bilion untuk Pembelian Aset dan RM1.9 bilion untuk perbelanjaan lain.

Bagi Peruntukan Pembangunan pula, jumlah terbesar, RM20.8 bilion, diperuntukkan kepada sektor ekonomi, terdiri daripada sektor pertanian, perindustrian dan infrastruktur. Sektor sosial diperuntukkan RM14.2 bilion, merangkumi pendidikan, kesihatan dan perumahan. Sektor keselamatan pula diperuntukkan RM6.8 bilion, sementara pentadbiran, RM2.7 bilion, dan simpanan luar jangka, RM2 bilion ringgit.

TERAS PERTAMA:

MENINGKATKAN EKONOMI DALAM RANTAIAN NILAI LEBIH TINGGI

Sektor Swasta Sebagai Peneraju Pembangunan Ekonomi

Gandingan mantap Kerajaan dan sektor swasta merupakan prasyarat bagi menjayakan pelaksanaan Misi Nasional. Sektor swasta perlu terus menjadi pemangkin dan peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan terus komited menyediakan persekitaran kondusif untuk merangsang aktiviti sektor swasta supaya lebih dinamik. Selaras dengan hasrat Kerajaan meningkatkan lagi daya saing sektor swasta, adalah penting cukai yang dikenakan terus kompetitif dan insentif cukai ditambah baik serta lebih fokus.

Untuk menggalakkan pihak swasta meningkatkan lagi pelaburannya, kerajaan mencadangkan kadar cukai korporat dikurangkan secara berperingkat sebanyak dua mata peratusan. Bagi tahun taksiran 2007, cukai korporat akan dikurangkan kepada 27 peratus dan bagi tahun taksiran 2008, akan dikurangkan lagi kepada 26 peratus. Sungguhpun langkah ini akan melibatkan kehilangan hasil yang besar, namun kerajaan yakin pengurangan ini akan memberi kesan yang positif kepada atas ekonomi negara.

Seterusnya, kerajaan juga telah mengkaji beberapa pemberian galakan serta layanan cukai untuk mengurangkan lagi kos kendalian perniagaan. Berikut itu, kerajaan mencadangkan:

- (i) syarikat modal teroka yang melabur sekurang-kurangnya 50% daripada dana pelaburannya dalam pembiayaan *seed capital* diberi pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun;
- (ii) pengenaan penalti cukai pegangan dipinda daripada berasaskan jumlah bayaran keseluruhan kepada cukai pegangan yang belum dibayar; dan

- (iii) untuk mengurangkan beban cukai koperasi dan badan amanah, bayaran zakat perniagaan diberi potongan cukai sehingga 2.5% daripada pendapatan agregat.

Pentadbiran cukai yang cekap juga penting untuk menjamin kelancaran dan keberkesanan segala dasar dan strategi pembangunan negara. Dalam mematuhi perundangan percukaian, pentadbiran cukai hendaklah mudah dan telus serta perlu mesra perniagaan dan pelanggan. Garis panduan percukaian juga akan dipermudahkan dan ketidakpastian dalam undang-undang dijelaskan. Sehubungan itu, kerajaan mencadangkan:

- (i) Tribunal Kastam ditubuhkan untuk mempertimbangkan rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam;
- (ii) Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menerbitkan *advance tax rulings* bagi kepastian layanan cukai dan ketelusan pentadbiran cukai;
- (iii) LHDN menyediakan garis panduan rangka kerja audit dan siasatan bertujuan menjelaskan bidang tugas pegawai LHDN dan tanggungjawab pembayar cukai; dan
- (iv) tempoh layak menuntut pulang balik cukai jualan dan cukai perkhidmatan berkaitan hutan lapuk dipendekkan daripada 12 bulan kepada enam bulan, selepas tarikh cukai berkenaan dibayar, bagi memperbaiki kedudukan aliran tunai syarikat.

Kerajaan memandang serius kes *under declaration* dan penyeludupan barangan berduit tinggi seperti kereta, rokok dan minuman keras. Sehubungan itu, kerajaan mencadangkan, bagi kes seperti ini, kompaun minimum ditetapkan lima kali ganda daripada jumlah cukai terlibat. Di samping itu, kapasiti penguatkuasaan Kastam akan diperkukuhkan lagi dengan menambah bilangan pegawai penguat kuasa. Saya juga ingin menyarankan supaya pihak swasta tampil bersama dengan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah penyeludupan.

Selaras dengan dasar untuk memantapkan lagi perkongsian awam-swasta, kerajaan kini giat memperluaskan pelaksanaan projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Financing Initiatives – PFI*) bagi merangsangkan lagi pelaburan swasta. Kerajaan telah mengenal pasti projek bernilai RM20 bilion yang akan dilaksanakan secara bina, pajak dan pindah (*build, lease and transfer – BLT*). Pembiayaan diperolehi daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) yang akan memiliki aset yang dibina untuk disewa balik kepada kerajaan. Antara projek yang telah dikenal pasti termasuk sekolah, kuarters dan pejabat kerajaan.

Selain daripada itu, satu Tabung Kemudahan PFI (*Facilitation Fund*) bernilai RM5 bilion disediakan, bertujuan memberi sokongan kepada projek yang dikenal pasti oleh sektor swasta yang mempunyai kesan *spin off* yang meluas ke atas pertumbuhan ekonomi negara. Di bawah kaedah ini, pihak swasta akan menanggung sepenuhnya risiko projek, sementara kerajaan hanya menyediakan sokongan kewangan untuk memastikan *viability* projek. Antara sokongan yang disediakan, termasuk menaja penuntut ke institusi pelajaran tinggi swasta, menyediakan tapak projek dan membangunkan keperluan infrastruktur. Kerajaan juga boleh menimbang untuk membeli atau menyewa bangunan di kawasan bandar baru yang dibina oleh pihak swasta, bagi memastikan daya maju projek.

Menjana Sumber Kekayaan Baru Dalam Sektor Intensif Teknologi Dan Pengetahuan

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada penggunaan teknologi tinggi dan pembangunan industri yang mempunyai nilai tambah tinggi. Selaras dengan itu, sektor yang berpotensi tinggi, seperti ICT, bioteknologi, pertanian moden, industri halal, produk pelancongan dan kewangan Islam akan terus dimajukan.

Mengkomersialkan Sektor Pertanian

Sektor pertanian memerlukan transformasi untuk menjadi sektor yang moden, komersial dan berdaya saing. Langkah perlu ditumpukan kepada pengkomersilan hasil R&D, penggunaan teknologi moden dan memperbaiki lagi rantai bekalan. Di samping itu, kita juga perlu memanfaatkan kekayaan biodiversiti negara dengan membangunkan kegiatan bernilai tinggi, seperti bioteknologi dan biofarmaseutikal.

Dalam Bajet 2007, kerajaan menyediakan peruntukan RM3.6 bilion untuk sektor pertanian, terutamanya bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran hasil pertanian serta menambah keupayaan pemasaran. Sebahagian besar daripada peruntukan ini akan:

- (i) menambah RM300 juta lagi dalam Tabung Makanan, menjadikan keseluruhan Tabung berjumlah RM1.9 bilion, bagi membiayai aktiviti pengeluaran makanan. Sehingga kini, RM1.6 bilion telah diluluskan kepada 9,800 peminjam;
- (ii) mewujudkan Skim Kredit Pertanian Bukan Makanan, dengan peruntukan permulaan sebanyak RM20 juta, bagi menggalakkan petani menceburi bidang pertanian bukan makanan, seperti bunga-bunga dan kenaf;
- (iii) melaksanakan pelbagai projek ternakan melalui Jabatan Haiwan, LPP, MADA dan KADA, dengan peruntukan sebanyak RM111 juta. Dalam usaha meningkatkan pengeluaran daging negara, Projek *Beef Valley* di Gemas, Negeri Sembilan akan dilaksanakan, dengan peruntukan RM40 juta; dan
- (iv) membangunkan industri akuakultur, termasuk Projek Kluster Ikan Hiasan di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis serta Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar di Negeri Sembilan, dengan peruntukan RM92 juta. Projek akuakultur lain akan dibangunkan di seluruh negara.

Beberapa kegiatan sektor pertanian kini tidak lagi merupakan kegiatan yang berdaya maju, seperti penanaman tembakau, terutamanya di Kelantan. Oleh itu, adalah wajar bagi petani dalam bidang berkaitan beralih kepada tanaman atau industri lain yang berpotensi menghasilkan pendapatan lebih tinggi. Untuk memudahkan peralihan ini, petani akan diberi akses kepada kemudahan pembiayaan, termasuk dari dana yang diuruskan di bawah Bank Pertanian. Memandangkan kerajaan kini memberi tumpuan kepada beberapa projek besar dalam bidang pertanian, koperasi digalakkan untuk memainkan peranan dalam projek baru ini. Pengusaha projek-projek pertanian, khususnya di luar bandar, diseru memilih koperasi menjadi rakan kongsi.

Khazanah Nasional akan menubuhkan dana pertanian RM200 juta yang akan disumbangkan secara bersama oleh kerajaan, Khazanah Nasional dan sektor swasta. Dana ini akan digunakan untuk menyediakan modal teroka bagi membiayai projek pertanian baru menggunakan teknologi intensif. Di samping itu, Bank Negara Malaysia juga akan menyediakan satu lagi dana pertanian bernilai RM200 juta untuk membiayai projek pertanian dan penternakan bersepadu.

Memajukan Kegiatan Bioteknologi

Bioteknologi merupakan sumber pertumbuhan baru yang diberikan tumpuan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya telah mengumumkan beberapa inisiatif bagi pembangunan sektor bioteknologi. Bajet 2007 memperuntukkan RM210 juta bagi pembangunan sektor bioteknologi. Antara program utama adalah menyediakan RM60 juta *matching grant* bagi pemerolehan teknologi melalui *Biotechnology Acquisition Programme*, dan RM30 juta lagi disediakan kepada syarikat R&D dan syarikat antarabangsa untuk tujuan pengkomersialan di bawah *Biotechnology Commercialisation Fund*. Di samping itu, RM59 juta disediakan di bawah inisiatif R&D untuk *genomics* dan *molecular biology*,

penghasilan produk *pharmaceutical* dan *nutraceutical* serta memajukan aktiviti *agro-biotechnology*.

Kerajaan telah menubuhkan *Inno Bio Ventures* untuk melabur dan memberi latihan dalam bidang bioteknologi. *Bio Innovation Centre* akan diwujudkan di Nilai, Negeri Sembilan untuk menyediakan kemudahan penempatan dan peralatan yang diperlukan oleh syarikat baru bioteknologi untuk mengkomersialkan dan menjalankan kegiatan pembuatan bil (*bio-manufacturing activities*), seperti *biopharmaceutical* dan *medicine technology*.

Bagi menggalakkan pelaburan baru dalam aktiviti bioteknologi, kerajaan mencadangkan galakan baru dan galakan selia ada ditambah baik, antaranya, seperti berikut:

- (i) syarikat bionexus diberi pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun bermula daripada tahun pertama syarikat memperolehi keuntungan;
- (ii) selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun, syarikat bionexus dikenakan cukai pada kadar konsesi 20% bagi 10 tahun lagi;
- (iii) potongan cukai bersamaan dengan pelaburan dalam bentuk *seed capital* dan *early stage* kepada syarikat atau individu yang melabur dalam syarikat bionexus;
- (iv) syarikat bionexus yang melakukan penggabungan dan pengambilalihan dengan syarikat bioteknologi diberi pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah dalam tempoh lima tahun; dan
- (v) bangunan yang digunakan untuk aktiviti penyelidikan berkaitan bioteknologi diberi Elaun Bangunan Industri dipercepatkan di mana kos pembinaan atau pembelian bangunan dihapus kira dalam tempoh 10 tahun.

Melonjakkan Industri Halal Ke Peringkat Global

Negara berpotensi menerajui industri halal di peringkat global. Untuk memajukan lagi inisiatif mempertingkatkan kegiatan industri halal, Perbadanan Kemajuan Industri Halal akan ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan geran pelancaran RM25 juta. Perbadanan ini akan menyelaras dan memastikan segala usaha memajukan industri halal dilaksanakan secara bersepadu lagi menyeluruh. Perbadanan ini akan menyelaras usaha-usaha mengemas kini piawaian halal, membangunkan industri halal tempatan, mempromosi produk dan perkhidmatan halal Malaysia di pasaran dunia serta menyokong pelaburan di dalam sektor halal Malaysia. *Malaysian International Halal Showcase (MIHAS)* serta *World Halal Forum 2006* yang telah mendapat sambutan memberangsangkan akan diteruskan sebagai acara tahunan.

Peruntukan RM50 juta disediakan untuk menyediakan tapak Taman Halal (Halal Park) di Pasir Mas, Kelantan; Gambang, Pahang; Cendering, Terengganu dan Padang Besar, Perlis. SME Bank diperuntukkan RM20 juta untuk memberi pinjaman kepada usahawan yang membangunkan produk halal.

Merencanakan Pembangunan ICT

Sebagai pemangkin utama kepada pembangunan, ICT akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Bagi menerajui dan membangunkan lagi industri ICT negara, pembangunan *Multimedia Super Corridor (MSC)* akan dipesatkan. Usaha untuk mempromosikan industri *shared services and outsourcing (SSO)* telah berjaya meletakkan Malaysia tiga tahun berturut-turut, semenjak 2003, sebagai lokasi ketiga terbaik di dunia selepas India dan China. Sehingga ini, 78 syarikat luar negara, yang menjalankan aktiviti SSO dengan 19,500 tenaga kerja, telah beroperasi di negara ini. Melangkah ke hadapan, industri SSO akan terus dibangunkan, dengan memberi

tumpuan kepada perkhidmatan bernilai tinggi, khususnya dalam bidang-bidang logistik dan perkhidmatan kewangan.

Peluasan kawasan MSC, termasuk ke Melaka dan Johor Bahru, telah menarik pelaburan baru dan menyumbang kepada pembinaan modal insan serta pembangunan kawasan baru. Cyberjaya akan terus dibangunkan selaras dengan matlamat menjadikannya hab ICT negara yang unggul. Infrastruktur sokongan dan kemudahan sosial akan disediakan, meliputi perumahan mampu milik, klinik kesihatan, sekolah antarabangsa serta kemudahan rekreasi bagi mempertingkatkan kualiti hidup di Cyberjaya. Saya difahamkan Kerajaan Negeri Selangor sedang berusaha mempercepatkan kelulusan pelan pembangunan dan penukaran kegunaan tanah untuk memastikan pelaksanaan projek-projek ini dapat disegerakan.

MDeC disediakan RM154 juta untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Ini termasuk perkhidmatan yang lebih komprehensif merangkumi pendaftaran hingga operasi serta Program Pembangunan Industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi meningkatkan daya maju usahawan PKS yang berasaskan ICT. Tabung Pembangunan Industri Kandungan akan ditubuhkan dengan peruntukan permulaan RM25 juta untuk menghasilkan aplikasi ICT. MIMOS diperuntukkan RM162 juta bagi melaksanakan pelbagai program, termasuk *Mobile Broadband Engines*, aplikasi e-Pembelajaran dan R&D mengenai teknologi bahasa, terutamanya Bahasa Melayu.

Kerajaan komited untuk mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat, terutamanya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah di luar bandar. Pada masa ini, syarikat telekomunikasi dikehendaki menyumbang kepada Dana Penyedia Perkhidmatan Sejagat bagi menambah baik infrastruktur ICT di luar bandar. Dana tersebut diguna untuk membangunkan infrastruktur perkhidmatan telefoni asas dan internet sahaja. Untuk meningkatkan akses penduduk luar bandar kepada kemudahan ICT, skop penggunaan Dana ini akan diperluaskan kepada pembangunan infrastruktur jalur lebar ke luar bandar.

Manfaat perkembangan ICT perlu dinikmati oleh semua lapisan rakyat. Pada tahun 2005, kadar pemilikan komputer serta kadar penembusan jalur lebar di negara ini masih rendah, masing-masing pada 21.8 dan 1.9 bagi setiap seratus penduduk. Kadar ini adalah jauh lebih rendah berbanding negara maju. Untuk menggalakkan pemilikan komputer, tempoh layak menuntut galakan cukai bagi pembelian komputer yang kini diberi bagi setiap lima tahun, dipendekkan kepada setiap tiga tahun, manakala galakannya dalam bentuk rebat cukai RM500 diubah kepada pelepasan cukai sebanyak RM3,000.

Memperhebatkan R&D

Aktiviti R&D akan mengutamakan penyelidikan berorientasikan pengkomersialan hasil penemuan. Dalam hubungan ini, dua dana yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan disediakan peruntukan permulaan. Dana Sains diperuntukkan RM194 juta bagi penyelidikan sains asas dan gunaan dan Dana Tekno diperuntukkan RM354 juta bagi membiayai pengkomersialan projek penyelidikan.

Skim Geran MSC dengan peruntukan RM20 juta akan diteruskan bagi membiayai R&D berasaskan industri ICT, terutamanya penghasilan produk baru yang berkualiti. Bagi R&D sektor pertanian, RM193 juta diperuntukkan untuk agensi penyelidikan termasuk MARDI, MPOB, Lembaga Koko Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia.

Mempromosikan Penjenamaan Produk

Persaingan di pasaran antarabangsa dan penglibatan aktif syarikat tempatan dalam rantaian pengeluaran global memerlukan keupayaan kita mengeluarkan produk dengan jenama sendiri yang menepati piawaian kualiti antarabangsa. Oleh itu, kita perlu lebih kreatif mewujudkan jenama yang boleh melambangkan keunikan keluaran Malaysia, terutamanya dari segi kelebihan teknikal dan penampilan produk. Menyedari pentingnya penjenamaan strategik kepada keluaran negara, kerajaan mencadangkan galakan

potongan dua kali ke atas perbelanjaan pengiklanan jenama Malaysia yang kini diberi kepada syarikat pemilik jenama diperluaskan kepada satu syarikat dalam kumpulan yang sama yang melakukan perbelanjaan pengiklanan.

Menjadikan Sektor Perkhidmatan Lebih Dinamik

Sektor perkhidmatan kini merupakan peranan semakin penting memacu pertumbuhan ekonomi negara. Sumbangan sektor ini kepada KDNK merupakan yang tertinggi berbanding dengan sektor lain, meningkat daripada 47% pada tahun 1990 kepada 54% pada tahun 2000 dan 58% pada tahun 2005. Sektor ini berpotensi untuk terus berkembang setanding dengan pencapaian negara maju, terutamanya dalam bidang pelancongan, kewangan, pendidikan, kesihatan dan telekomunikasi.

Mempergiatkan Kewangan Islam

Alhamdulillah, Malaysia telah berjaya mencapai perkembangan pesat dalam perkhidmatan kewangan Islam, terutamanya dalam meningkatkan saiz pelaburan, kecekapan perkhidmatan, kepelbagaian produk, pemantapan struktur dan juga peningkatan bilangan institusi. Kita telah menerbitkan suku pertama di dunia pada tahun 2002, yang telah berjaya menarik pelabur daripada seluruh dunia, khasnya daripada Asia Barat. Kita juga merupakan negara pertama di mana institusi supranasional telah menerbitkan bon Islam dalam Ringgit Malaysia. Institusi yang berkenaan adalah International Finance Corporation dengan terbitan RM500 dan Bank Dunia, RM2 bilion. Kini, Malaysia adalah penerbit bon Islam terbesar di pasaran modal global, bernilai USD30 bilion; merupakan lebih 70% daripada terbitan global bernilai USD41 bilion.

Selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat utama kewangan Islam antarabangsa, kerajaan mencadangkan:

- (i) pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun kepada semua entiti Perbankan Islam dan Takaful yang menjalankan aktiviti dalam mata wang asing, yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984;
- (ii) pengecualian duti setem tambahan sebanyak 20% diberi ke atas surat cara yang terlibat dalam pembiayaan kewangan Islam bagi tempoh tiga tahun. Pengecualian tambahan ini diberi selepas memastikan *tax neutrality* antara pembiayaan kewangan konvensional dan Islam;
- (iii) pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun kepada pengurus dana tempatan dan asing yang mengurus dana Islam bagi pelabur asing;
- (iv) pelepasan cukai individu ke atas yuran pengajian sehingga had maksimum RM5,000 setahun diperluaskan kepada pengajian dalam bidang kewangan Islam di institusi pengajian tinggi, termasuk di *International Centre for Education in Islamic Finance* atau INCEIF;
- (v) potongan cukai ke atas perbelanjaan menubuhkan firma broker saham Islam; dan
- (vi) potongan cukai ke atas perbelanjaan menerbitkan produk Islam dilanjutkan dari tahun taksiran 2008 hingga 2010.

Mempelbagaikan Produk Pasaran Modal

Kita perlu mempelbagaikan lagi produk pasaran modal dengan memperkenalkan produk yang boleh menarik pelabur tempatan dan asing. Usaha ini penting, terutamanya memandangkan kepada dana yang besar yang dimiliki oleh pelabur di Asia Barat, yang dianggarkan USD1 trilion. Satu daripada produk ini adalah Amanah Pelaburan Hartanah (REIT). Untuk ini, kerajaan mencadangkan dividen yang diterima oleh pelabur individu tempatan dan asing serta unit amanah tempatan daripada REIT yang tersenarai dikenakan cukai pada kadar 15%. Manakala pelabur institusi asing dikenakan cukai pada kadar 20%. Galakan ini diberi selama lima tahun. Di samping itu, layanan cukai bagi REIT ditambah baik di mana pendapatan REIT yang tidak diagihkan dikecualikan cukai dengan syarat sekurang-kurangnya 90% daripada pendapatannya diagihkan.

Mempergiatkan Pelaburan Luar Negara

Memandangkan peluang terbuka luas, terutamanya di negara Asia, seperti China, India dan Asia Barat seta Afrika, kerajaan akan terus menggalakkan syarikat tempatan melabur di luar negara. Kerajaan berhasrat mewujudkan lebih banyak syarikat bertaraf antarabangsa milik warganegara Malaysia yang bertapak di negara ini dan mempunyai operasi berskala besar di peringkat global. Bagi tujuan ini, kerajaan telah memperkukuhkan EXIM Bank untuk memainkan peranan lebih penting menyediakan pembiayaan bagi syarikat tempatan melabur ke luar negara. Kerajaan telah menambah RM2 bilion menjadikan modal berbayar EXIM Bank bernilai RM2.7 bilion. Dengan ini, jumlah pinjaman EXIM Bank dapat ditingkatkan daripada RM3.7 bilion pada tahun 2005 kepada RM6.5 bilion pada tahun 2006.

Bank Negara juga telah menyalurkan RM1 bilion kepada EXIM Bank bagi tujuan memberi pinjaman mudah kepada usahawan yang melabur di luar negara. Di samping itu, kerajaan akan menubuhkan Dana Pelaburan Luar Negara (OIF), dengan peruntukan RM100 juta untuk menyediakan pinjaman mudah kepada syarikat tempatan membiayai kos permulaan perniagaan di luar negara.

Bagi menggalakkan bank mengembangkan operasinya di luar negara dan mewujudkan kehadiran serantau, kerajaan mencadangkan bank milik tempatan diberi pengecualian cukai lima tahun ke atas pendapatan yang diperoleh daripada cawangan atau remitan daripada subsidiari baru di luar negara yang beroperasi dalam tempoh tiga tahun mulai tahun taksiran 2007.

Merealisasikan Potensi Pelancongan

Malaysia telah berjaya menarik ramai pelancong asing ke negara ini. Ketibaan pelancong meningkat 61%, daripada 10.2 juta pada tahun 2000 kepada 16.4 juta pada tahun 2005. Pendapatan daripada industri pelancongan telah meningkat daripada RM17.3 bilion pada tahun 2000 kepada RM32 bilion pada tahun 2005. Sektor ini juga telah mewujudkan 451 peluang pekerjaan.

Untuk terus mempertingkatkan lagi usaha menarik lebih ramai pelancong, Tahun Melawat Malaysia 2007 akan diadakan dengan tema "Menyambut 50 Tahun Kemerdekaan" (*Celebrating 50 Years of Nationhood*). Sejumlah RM149 juta diperuntukkan bagi program tersebut. Untuk menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelancongan menarik, kita perlu mempertingkatkan kemudahan dan mempelbagaikan produk pelancongan. Untuk ini, kerajaan mencadangkan:

- (i) Pengusaha pelancongan diberi pengecualian duti eksais sebanyak 50% ke atas kenderaan pacuan empat roda yang dipasang dalam negara.
- (ii) Pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat pelancongan yang mengendalikan sekurang-kurangnya 500 pelancong luar negara

atau 1,200 pelancong domestik setahun dilanjutkan lima tahun lagi sehingga tahun taksiran 2011; dan

- (iii) Pengecualian cukai pendapatan kepada pekerja bagi manfaat percutian dalam negara yang disediakan oleh majikan yang kini hanya diberi ke atas tambang perjalanan diperluaskan meliputi perbelanjaan penginapan dan makanan.

Mencergaskan Sektor Pembinaan

Pertumbuhan sektor pembinaan mempunyai banyak kesan limpahan ke atas ekonomi negara. Sektor ini telah mengalami penguncupan semenjak tahun 2004. Walau bagaimanapun, sektor ini dijangka kembali pulih pada tahun ini. Perbelanjaan sektor awam, terutamanya bagi pembinaan kemudahan infrastruktur, perumahan dan bangunan, telah banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan sektor pembinaan. Pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan, seperti pembinaan jalan raya, kuarters serta kemudahan infrastruktur lain akan merencanakan semula kegiatan sektor pembinaan. Peruntukan pembangunan RM27.5 bilion disediakan bagi pelbagai projek pembinaan pada tahun 2007. Di samping itu, RM4 bilion akan dibelanjakan untuk beberapa projek PFI dalam tahun 2007.

Untuk memupuk budaya penyelenggaraan, kerajaan akan memastikan infrastruktur dan kemudahan awam sentiasa diselenggara dengan baik. Bagi tujuan ini, kerajaan terus menyediakan peruntukan RM1 bilion lagi bagi program penyelenggaraan bangunan dan kemudahan awam. Kerja-kerja penyelenggaraan ini akan ditawarkan kepada kontraktor kecil.

Untuk merencanakan lagi kegiatan di sektor ini, kerajaan mencadangkan layanan cukai untuk sektor pembinaan ditambah baik seperti berikut:

- (i) perbelanjaan oleh pemaju hartanah dalam tempoh *defects liability* atau *warranty* dibenarkan sebagai potongan daripada projek yang sama dan tidak hanya dibenarkan sebagai potongan daripada projek lain; dan
- (ii) semua kerugian projek pada tahun terakhir dibenarkan ditolak daripada keuntungan sepanjang tempoh projek tahun-tahun terdahulu (*carry back of losses*).

TERAS KEDUA:

MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENGETAHUAN DAN INOVASI NEGARA SERTA MEMUPUK 'MINDA KELAS PERTAMA'

Meningkatkan Akses Kepada Sistem Pendidikan dan Latihan Berkualiti Di Semua Peringkat

Pembangunan modal insan merupakan prasyarat penting untuk memacu pertumbuhan rantaian ekonomi bernilai tinggi berpaksikan pengetahuan dan teknologi. Untuk memantapkan lagi sistem pendidikan dan latihan, sejumlah RM33.4 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan, merupakan 21 peratus daripada keseluruhan Bajet 2007. Daripada jumlah ini, RM6.7 bilion diperuntukkan bagi pendidikan rendah, RM6.2 bilion bagi pendidikan menengah dan RM10.4 bilion lagi pengajian tinggi serta RM10.1 bilion lagi untuk program latihan.

Memperkasakan Sekolah Rendah dan Menengah

Pada tahun 2007, jumlah *enrolment* murid dijangka mencecah 3.2 juta di sekolah rendah dan 2.3 juta di sekolah menengah. Untuk menampung pertambahan murid ini, 22 buah sekolah rendah dan menengah baru akan mula beroperasi pada tahun hadapan,

manakala 198 buah sekolah lagi akan dibina, termasuk sekolah menengah berasrama penuh. Untuk ini hampir satu bilion ringgit telah diperuntukkan. Sementara itu MARA memperuntukkan RM90 juta untuk membina dua Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) baru dan melengkapkan kemudahan MRSM sedia ada. Beberapa sekolah rendah dan menengah telah dikenal pasti untuk memberi penekanan kepada bidang khusus, seperti sains dan teknologi, teknikal dan vokasional, bahasa dan kesenian serta sukan.

Berikutan peningkatan nisbah guru bagi setiap bilik darjah, tumpuan akan diberikan kepada menambah baik kualiti guru. Untuk ini, RM782 juta disediakan untuk latihan guru, termasuk Program Latihan Guru Pra Perkhidmatan dan Program Latihan Guru Dalam Perkhidmatan. Di samping itu, RM56 juta disediakan bagi Program Latihan Guru yang dilaksanakan secara usaha sama dengan universiti luar negara dan Universiti Terbuka Malaysia. Untuk melaksanakan 67 projek perumahan guru, RM101 juta disediakan, terutamanya bagi mereka yang bertugas di luar bandar.

Untuk memperluaskan lagi penggunaan komputer di sekolah, RM288 juta diperuntukkan di bawah Program Pembestarian Sekolah, melibatkan perolehan komputer dan peralatannya bagi Pusat Akses di seribu buah sekolah dan semua maktab perguruan. Untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan pelajar sekolah, peruntukan tambahan disediakan untuk pembelian buku tambahan bagi pusat sumber sekolah.

Untuk menarik lebih ramai pelajar Cina dan India ke sekolah kebangsaan, Bahasa Cina dan Tamil sudah pun diajar di sesetengah sekolah kebangsaan. Walau pun begitu, mata pelajaran ini diajar hanya untuk tujuan berkomunikasi. Mulai tahun 2007, Bahasa Cina akan diajar sebagai mata pelajaran penuh di 150 buah sekolah kebangsaan, manakala Bahasa Tamil di 70 buah sekolah kebangsaan.

Memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi

Kerajaan akan menubuhkan Universiti Darul Iman Malaysia di Terengganu dan Universiti Darul Naim di Kelantan, serta menaik taraf Akademi Tentera Malaysia menjadi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Kerja-kerja pembinaan akan bermula pada awal tahun 2007. Sejumlah RM195 juta juga disediakan untuk menaik taraf dan menambah baik kemudahan universiti sedia ada.

Bagi menambah bilangan profesional dan tenaga kerja yang memiliki kepakaran kritikal, kerajaan akan menawarkan biasiswa tambahan kepada pelajar cemerlang untuk mengikuti kursus, seperti sains, farmasi, perubatan dan kejuruteraan di peringkat ijazah dan lepasan ijazah di universiti tempatan dan universiti terkemuka luar negara. Di samping itu, kerajaan akan memastikan pelajar yang memperoleh 10 A1 dalam peperiksaan SPM atau setaraf dengannya dan daripada keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan RM1,500 ke bawah, diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.

Mempergiatkan Latihan Kemahiran

Program pembangunan kemahiran akan diperkukuhkan. Sehubungan ini, sejumlah RM450 juta akan disediakan bagi pembinaan dan menaik taraf politeknik dan kolej komuniti. Di bawah program latihan Kementerian Sumber Manusia, dua Institut Latihan Perindustrian dan empat Pusat Latihan Teknologi Tinggi akan dibina dengan peruntukan sebanyak RM148 juta. Program latihan di bawah MARA disediakan RM214 juta, termasuk bagi Institut Kemahiran MARA, Institut Latihan Kemahiran Tinggi, Program Giat MARA dan UniKL. Untuk terus memenuhi permintaan industri, program latihan berasaskan pengeluaran akan diperkenalkan di bawah *German-Malaysia Institut* dan *British-Malaysia Institute*. Di samping itu, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) akan diperluaskan skopnya untuk melaksanakan program *internship* dan latihan bagi siswazah.

Untuk menggalakkan budaya membaca dan selaras dengan pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*), kerajaan mencadangkan pelepasan cukai ke atas pembelian buku dinaikkan daripada RM700 kepada RM1,000 setahun.

Mengurangkan Graduan Menganggur

Data daripada Jabatan Perangkaan mendapati 31 ribu graduan lepasan ijazah masih menganggur pada akhir suku pertama tahun ini. Kerajaan prihatin terhadap kesukaran siswazah mendapat pekerjaan. Pelbagai program telah pun dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran siswazah menganggur supaya memenuhi keperluan industri. Skim Latihan Graduan Pasaran Modal yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti semenjak tahun 2002, bertujuan memberi pengalaman bekerja melalui skim perantis di syarikat perakaunan dan audit, syarikat broker saham dan juga syarikat tersenarai. Sehingga ini, sejumlah 517 graduan telah dilatih, dan sebahagian besarnya diserapkan oleh syarikat tersebut. Memandangkan Skim ini telah berjaya melengkapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran industri, Suruhanjaya Sekuriti akan memperkembangkan program ini untuk melatih seribu graduan setiap tahun. Sehubungan itu, galakan potongan cukai dua kali ke atas elaun yang dibayar kepada peserta Skim Latihan Graduan Pasaran Modal diperluaskan kepada semua syarikat di bawah kawalan Suruhanjaya Sekuriti yang menyertai skim berkenaan. Di samping itu, galakan ini juga akan diberikan kepada syarikat tersebut yang melaksanakan skim latihan sendiri yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Dalam usaha menambah tenaga kerja mahir dalam bidang ICT, kerajaan akan mewujudkan program latihan kemahiran khusus yang dikendalikan oleh syarikat ICT terkemuka. Bagi tujuan ini, siswazah, terutamanya berkelulusan IT dan kejuruteraan, akan diberi latihan dalam program khas yang meliputi pengetahuan, kemahiran, penguasaan bahasa asing, komunikasi, kepimpinan dan sebagainya. Dengan latihan ini, siswazah akan dilengkapkan dengan kemahiran ICT untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, di samping menyumbang kepada pembangunan sektor ICT.

Di samping itu, MDeC akan meneruskan program latihan kem kerja (*job camp*) bagi seribu siswazah menganggur dan Program Peningkatan Profesionalisme bagi lima ribu siswazah dalam tempoh setahun untuk memenuhi keperluan syarikat berasaskan ICT. Perbadanan Bioteknologi Malaysia juga akan melaksanakan program latihan bagi siswazah menganggur dalam bidang *bio-life sciences*. Sebagai permulaan, seramai 200 siswazah akan menjalani latihan di bawah program ini.

Selain itu, Bursa Buruh Elektronik (*Electronic Labour Exchange*) di Kementerian Sumber Manusia akan diperkukuhkan supaya lebih mudah diakses oleh pencari kerja. Unit ini akan dihubungkan dalam rangkaian *kiosk* pekerjaan yang akan ditempatkan di lokasi strategik, seperti pejabat pos, stesen LRT dan kompleks membeli belah.

Memperkasa Wanita

Wanita merupakan sumber penting ekonomi negara. Aksesibiliti wanita kepada pendidikan dan latihan telah meningkatkan mobiliti mereka untuk mendapatkan pekerjaan lebih baik. Hari ini, kita bukan sahaja mempunyai ramai profesional dan usahawan wanita yang berjaya, kita juga berbangga dengan pencapaian wanita dalam beberapa bidang yang dahulunya dianggap *bastion* lelaki. Negara ini mempunyai calon angkasawan wanita, seorang wanita yang telah merentasi kutub selatan dan seorang ratu skuasy dunia.

Pada masa ini, kerajaan menyediakan 20 juta ringgit pemberian bantuan khas tahunan untuk NGO melaksanakan program wanita, keluarga dan masyarakat. Untuk meningkatkan lagi peranan mereka, kerajaan akan menambah jumlah bantuan khas ini kepada 30 juta ringgit. Di samping itu, untuk terus membantu kakitangan wanita yang bertugas di sektor awam, pemberian geran pelancaran *one-off* yang kini diberikan kepada kementerian untuk mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak, diperluaskan lagi kepada semua jabatan kerajaan, dan jumlahnya ditambah daripada 50 ribu ringgit kepada 80 ribu ringgit bagi setiap kementerian dan jabatan. Saya menggesa pihak swasta untuk memberi kemudahan yang sama kepada kakitangan wanita mereka.

Untuk meningkatkan lagi kesedaran mengesan kanser lebih awal, lebih ramai wanita digalakkan menjalani ujian saringan *mammogram*. Kerajaan akan memberi 50 ringgit subsidi bagi setiap ujian saringan yang dibuat oleh klinik dan hospital swasta yang berdaftar dengan LPPKN. Jumlah subsidi ini akan dapat menampung separuh daripada kos saringan.

Baru-baru ini, saya telah melancarkan program komuniti, bertujuan menggembeng tenaga dan kerja sukarelawan di kalangan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti kemasyarakatan, termasuk oleh sektor korporat. Untuk menghargai mereka ini, beberapa program akan diadakan, termasuk Anugerah CSR Perdana Menteri, Anugerah Mayang dan Program Rangkaian Rakyat.

Merintis Kejayaan Belia

Kerajaan akan meneruskan usaha bagi melahirkan golongan yang berdaya tahan serta mempunyai kemahiran keusahawanan dan berpengetahuan. Untuk melaksanakan pelbagai program belia dan sukan, RM721 juta akan diperuntukkan. Bagi menggalakkan kegiatan sukan, pembinaan kompleks sukan komuniti akan diteruskan. Program sukan dan latihan atlet, termasuk biasiswa kepada atlet yang berpotensi, akan disediakan RM91 juta.

TERAS KETIGA:

MENANGANI MASALAH KETIDAKSEIMBANGAN SOSIOEKONOMI YANG BERTERUSAN SECARA MEMBINA DAN PRODUKTIF.

Mengurangkan Jurang Antara Wilayah

Usaha pembangunan negara terus memberi penekanan ke arah merapatkan jurang pertumbuhan ekonomi antara wilayah serta antara bandar dan luar bandar. Bagi tujuan ini, kerajaan telah mengenal pasti tiga koridor untuk dibangunkan.

Wilayah Ekonomi Koridor Utara meliputi Kedah, Perlis, Seberang Perai dan Perak Utara mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian komersial, industri asas tani dan industri teknologi tinggi. Sime Darby akan menerajui pelaksanaan beberapa projek baru untuk menyokong usaha pembangunan wilayah utara ini, termasuk mewujudkan *kluster* pertumbuhan bagi kegiatan ekonomi, khusus untuk pertanian komersial, industri berteknologi tinggi dan pelancongan. Sebagai langkah memperbaiki iklim pelaburan di negeri Perlis, dalam Bajet ini, kerajaan mencadangkan Perlis diiktiraf sebagai satu kawasan di mana projek digalakkan yang ditempatkan di negeri tersebut akan menikmati tahap pengecualian cukai pendapatan yang lebih baik seperti mana projek yang ditempatkan di koridor timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Untuk merancakkan pertumbuhan di Koridor Pantai Timur yang merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang, tumpuan khusus akan diberi kepada pelaksanaan projek pembangunan yang dapat menjada kegiatan ekonomi. Di samping itu, kawasan sempadan Pantai Timur, seperti Tok Bali-Besut dan Kemaman-Cherating juga akan dibangunkan. Petronas telah diberi peranan untuk menerajui pembangunan di Wilayah ini menjurus kepada industri hiliran berasaskan petrokimia, industri kraf tangan dan pelancongan.

Kedudukan Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) yang strategi akan terus dimanfaatkan dengan memberi keutamaan kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan berkualiti untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai satu metropolis bertaraf dunia. Khazanah Nasional dipertanggungjawabkan menerajui usaha pembangunan di kawasan tersebut. Kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan RM2.3 bilion bagi negeri Johor pada tahun 2007; sebahagian besar daripadanya adalah untuk membangunkan projek infrastruktur di SJER. Bagi mendorong pembangunan industri utama di Wilayah tersebut, kerajaan akan menubuhkan dana pelaburan strategik dengan peruntukan RM200 juta. Dana tersebut akan digunakan bagi tujuan pelaburan secara usaha sama dengan syarikat swasta untuk melonjakkan pelaburan dalam *kluster* industri baru, terutamanya dalam bidang pengajian tinggi swasta dan kesihatan. Kerajaan akan juga mengemukakan kaedah PFI untuk menggalakkan pelaburan di Wilayah tersebut.

Bagi terus memajukan negeri Sarawak yang kaya dengan sumber semula jadi, kerajaan akan melaksanakan pelbagai projek pembangunan, termasuk projek naik taraf Jalan Kuching-Sibu dari Simpang Julau ke Sibu, pembesaran Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuching, membina Jalan Sibul-Bawang-Assan-Seredeng. Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu Tanjung Manis dan kelompok industri berasaskan minyak kelapa sawit.

Kerajaan juga akan meningkatkan usaha bagi membangunkan lagi negeri Sabah supaya dapat mencapai tahap sosioekonomi yang lebih seimbang. Antara projek utama yang akan dijalankan adalah pembinaan Jalan Sepulut-Kalabakan, menaik taraf lapangan terbang Kota Kinabalu dan Labuan, menambah baik kereta api Sabah serta pembangunan industri kelompok berasaskan kelapa sawit.

Pembangunan Luar Bandar

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar supaya pengagihan kekayaan negara dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat dengan mempergiatkan pelaksanaan pelbagai program pembangunan di kawasan luar bandar, dengan peruntukan RM3.4 bilion. Di antara program yang akan dilaksanakan adalah projek jalan luar bandar dan kampung dengan peruntukan RM780 juta, bekalan air RM251 juta dan bekalan elektrik RM200 juta. Selain itu, KEMAS akan melaksanakan pelbagai program, termasuk pendidikan pra sekolah, kegiatan masyarakat dan latihan kemahiran dengan peruntukan RM615 juta.

Membasmi kemiskinan

Kerajaan bertekad untuk menghapuskan kemiskinan tegar yang melibatkan 67 ribu isi rumah. Pada masa yang sama, kerajaan juga berusaha untuk mengurangkan lagi kadar kemiskinan keseluruhan daripada 5.7 peratus pada 2004 kepada 2.9 peratus pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Sejumlah RM578 juta diperuntukkan dalam Bajet 2007 bagi memesatkan pelaksanaan program dan projek pembasmian kemiskinan. Di antara program utama ialah:

- (i) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk golongan miskin dengan peruntukan RM156 juta, meliputi Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, Program Kecemerlangan Pendidikan, Skim Amanah Saham Bumiputera Sejahtera dan Program Pembangunan Taska. Skim universiti akan memberi manfaat kepada lebih 110 ribu peserta;
- (ii) Program Pembangunan Orang Asli, termasuk penempatan tersusun, kegiatan ekonomi dan infrastruktur sosial dengan peruntukan RM144 juta;
- (iii) Program Pembangunan Ladang Rakyat oleh FELCRA seluas 2,500 hektar akan dilaksanakan, melibatkan pembelian ladang berhasil dan penerokaan kawasan baru, dengan peruntukan RM90 juta. Keuntungan daripada projek ini akan diagihkan kepada peserta dengan matlamat mengurangkan kemiskinan tegar; dan
- (iv) pembukaan ladang getah seluas dua ribu hektar di Pitas, Sabah oleh Lembaga Industri Getah Sabah dengan peruntukan 12 juta ringgit yang akan melibatkan penyertaan golongan miskin tegar.

Membangunkan Usahawan Bumiputera Berdaya Saing

Bumiputera, seharusnya membina keupayaan untuk menceburi bidang perniagaan dengan mengambil peluang daripada galakan dan kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan. PUNB telah membantu mewujudkan usahawan Bumiputera dalam sektor industri dan perdagangan yang strategik, seperti minyak dan gas, automotif, elektrik dan elektronik serta ICT. Skim Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan atau

PROSPER diwujudkan semenjak tahun 2000 bertujuan untuk membangunkan usahawan Bumiputera dalam perniagaan runcit. Sehingga ini, lebih seribu peniaga runcit berjaya diwujudkan. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), MARA dan SMIDEC juga disediakan untuk membantu usahawan memulakan dan membesarkan perniagaan. Bank Simpanan Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia turut menyediakan kemudahan kredit mikro.

Ketika membentangkan Bajet 2006 di Dewan yang mulia ini, saya telah mengumumkan penubuhan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera bertujuan meningkatkan penyertaan dan hak milik Bumiputera dalam sektor hartanah komersial di lokasi perniagaan utama di bandar. Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad (PHBB) telah ditubuhkan dan kini, sedang dalam proses memperoleh beberapa hartanah utama di beberapa lokasi di Kuala Lumpur untuk dibangunkan sebagai bangunan komersial dan pejabat, termasuk Dataran Perdana di Jalan Davis, tanah KTM di Jalan Bangsar dan tanah Institut Penyelidikan Getah di Jalan Ampang. Berasaskan portfolio hartanah yang dimilikinya, PHBB boleh pada masa hadapan, menerbitkan instrumen pelaburan pasaran modal, seperti REIT untuk memberi peluang melabur kepada bumiputera.

TERAS KEEMPAT: MENINGKATKAN TAHAP DAN KEMAMPANAN KUALITI HIDUP

Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah

Usaha akan terus diperhebat untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada semua golongan rakyat, terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara akan membina 30 ribu unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat, termasuk rumah untuk disewa dan dimiliki. Syarikat Perumahan Negara Berhad pula akan membina 34 ribu unit rumah mampu-milik, dua ribu unit rumah di bawah Projek Pemulihan Rumah Terbengkalai dan 2,500 unit rumah di bawah Program Rumah Mesra Rakyat. Selain itu, 46 ribu unit kuarters kerajaan untuk anggota perkhidmatan beruniform, merangkumi Polis Diraja Malaysia Angkatan Tentera Malaysia, Kastam Diraja Malaysia an Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta kakitangan awam lain akan turut disediakan dengan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion.

Pengurusan Aset Air Yang Lebih Efisien

Untuk memastikan bekalan air berkualiti terus mencukupi bagi menampung permintaan yang kian meningkat yang kian meningkat, kerajaan telah melaksanakan satu inisiatif baru untuk mengenal pasti dan membangunkan sumber air serta meningkatkan lagi perkhidmatan bekalan air. Syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah ditubuhkan bertanggungjawab membangunkan aset ini yang akan dipajak semula kepada operator bekalan air. Dengan penubuhan PAAB, tumpuan akan diberi kepada usaha mengurangkan air tidak berhasil (*none-revenue water*), menambah baik kualiti air dan menyediakan perkhidmatan bekalan air secara lebih efisien. Penubuhan PAAB adalah langkah susulan kepada perwujudan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara sebagai badan pengawal selia bekalan air.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Syarikat awam tersenarai (PLC) telah berjaya mencapai tahap penzahiran tinggi dalam tadbir urus korporat. Untuk menyemai budaya tanggungjawab sosial korporat (CSR), mereka perlu menzahirkan pencapaian tanggungjawab sosial tersebut dari segi menyediakan peluang perniagaan kepada pengusaha tempatan, termasuk pemberian kontrak kepada bumiputera, komposisi guna tenaga syarikat berasaskan kaum; pembangunan modal insan serta sumbangan kepada kesejahteraan rakyat, terutamanya terhadap golongan kurang bernasib baik. PLC yang mengamalkan CSR sudah tentunya akan dapat menarik lebih banyak pelabur untuk melabur di dalam syarikat mereka terutamanya pelabur institusi besar, seperti Dana Pencen dalam dan luar negara. Dalam

hubungan ini, KWSP dan KWAP akan memberi pertimbangan positif untuk melabur dalam PLC yang mematuhi CSR.

Beberapa program yang telah dikenal pasti membolehkan penglibatan PLC dalam pembangunan modal insan ialah program sekolah angkat (*Adopt a School*), memberi latihan kepada siswazah menganggur serta menyediakan biasiswa. Di bawah program ini antara usaha yang digalakkan ialah sumbangan kepada kegiatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, tajaan pelajar cemerlang daripada keluarga berpendapatan rendah, penyediaan peralatan kemudahan serta pembiayaan tuisyen, terutamanya untuk sekolah luar bandar, bagi mata pelajar Bahasa Inggeris, matematik dan sains. Bagi kebajikan masyarakat pula, PLC digalakkan untuk mengadakan program membantu institusi kebajikan (*Adopt a Charitable Institution*), seperti rumah kebajikan dan anak yatim, rumah warga emas, rumah perlindungan, pusat dialisis serta pusat serenti. PLC seharusnya menggalakkan kakitangan mereka yang mempunyai pelbagai kemahiran untuk menjayakan program tersebut.

Untuk menggalakkan syarikat menyertai program CSR, kerajaan mencadangkan had potongan cukai ke atas sumbangan pihak swasta kepada pertubuhan kebajikan ditingkatkan kepada lima peratus kepada tujuh peratus berasaskan pendapatan agregat. Untuk menyahut saranan ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan mencadangkan supaya potongan cukai ini diperluaskan kepada aktiviti sukan.

Mengiktiraf Sumbangan Pekerja

Kerajaan juga menggalakkan syarikat swasta menghargai sumbangan perkhidmatan yang diberi oleh pekerja mereka, melalui anugerah khas, seperti anugerah perkhidmatan cemerlang, perkhidmatan lama dan keselamatan pekerja. Sehubungan dengan itu kerajaan mencadangkan pengecualian cukai diberi ke atas pemberian tunai atau barangan daripada majikan bagi anugerah khas yang tidak melebihi RM1000.

Mewujudkan Masyarakat Penyayang

Kerajaan prihatin terhadap tanggungan ibu bapa, terutamanya yang berpendapatan rendah, kos membiayai kos persekolahan anak-anak. Untuk meringankan beban kos mereka, kerajaan telah memberikan bantuan kepada murid daripada keluarga miskin di sekolah rendah dan menengah kerajaan. Kadar bantuan murid sekolah rendah akan dinaikkan daripada RM30 kepada RM50 sebulan manakala biasiswa kecil persekutuan bagi murid di sekolah menengah dinaikkan daripada RM50 kepada RM70 sebulan. Langkah ini akan memberi manfaat kepada 1.5 juta murid. Peningkatan ini akan melibatkan tambahan peruntukan RM320 juta, menjadikan jumlah keseluruhan bantuan sekolah berjumlah RM846 juta.

Beberapa Ahli Parlimen telah mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya yuran peperiksaan dimansuhkan. Kerajaan menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan suara rakyat di Dewan ini dan menyambut baik saranan ini. Dengan ini, kerajaan bersetuju supaya yuran peperiksaan UPSR, PMR, SPM atau setaraf dengannya, serta STPM di semua sekolah kerajaan dimansuhkan berkuat kuasa mulai tahun persekolahan 2007.

Kerajaan amat prihatin akan kebajikan golongan kurang bernasib baik seperti Orang Kurang Upaya (OKU), mangsa bencana, golongan termiskin dan warga tua. Untuk ini, RM302 juta disediakan bagi membantu meringankan beban mereka. Bagi memastikan bantuan ini disalurkan secara lebih berkesan dan benar-benar dinikmati oleh mereka, kerajaan akan menubuhkan Unit Khidmat Penyayang (MAYANG), berfungsi sebagai unit bergerak untuk mengenal pasti dan menghubungi terus kumpulan sasar dengan menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan serta bantuan semasa bencana.

Program Pemulihan Dalam Komuniti telah dilaksanakan untuk membolehkan kanak-kanak OKU, terutamanya mereka yang tidak boleh mengurus diri dapat menjalani pemulihan. Kini hampir 9,000 kanak-kanak diberi elaun RM25 sebulan untuk meringankan tanggungan kewangan ibu bapa dan penjaga. Memandangkan kebanyakan mereka ini

dari pada golongan berpendapatan rendah, elaun bulanan ini akan dinaikkan kepada RM50..

Menyedari terdapat kekurangan jurubahasa isyarat yang terlatih untuk membantu golongan kurang upaya pendengaran dan pertuturan berkomunikasi, program khusus akan diadakan untuk melatih lebih ramai lagi jurubahasa isyarat di sekolah pendidikan khas di bawah Kementerian Pelajaran. Di samping itu, bagi mengatasi masalah kanak-kanak autistik pula, program latihan kepada guru pendidikan khas akan diadakan untuk mengenal pasti dan membimbing kanak-kanak autistik.

Akses kepada Perkhidmatan Kesihatan

Kemakmuran sesebuah negara akan terus terjamin sekiranya rakyat sentiasa sihat. Hampir RM10 bilion diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan dan peralatan kesihatan, kepakaran dan latihan supaya rakyat lebih mudah mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan. Tiga hospital baru akan dibina dengan peruntukan RM125 juta di Shah Alam, Selangor; di Pendang, Kedah dan di Permai, Johor. Kerajaan akan menaik taraf perkhidmatan klinik bergerak untuk memberi kesedaran kepada rakyat di luar bandar dan kawasan terpencil mengenai penjagaan kesihatan, pemakanan dan memberi pemeriksaan kesihatan secara percuma, terutamanya bagi pengesanan awal penyakit kronik seperti kanser, sakit jantung, darah tinggi dan diabetes.

Untuk menggalakkan gaya hidup sihat, kerajaan mencadangkan duti eksais spesifik bagi rokok dinaikkan satu sen setiap batang. Bagi minuman keras yang kandungan alkoholnya melebihi 40 peratus, duti eksais spesifik dinaikkan lima ringgit seliter.

Pemuliharaan Alam Sekitar

Kerajaan akan memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber asli secara lebih bersepadu dan mampan dilaksanakan secara berkesan. Untuk ini, hampir satu bilion ringgit disediakan bagi terus menjaga keseimbangan dan keindahan ekologi serta meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan kualiti alam sekitar. Salah satu program utama yang akan dilaksanakan ialah Program Saliran dan Tebatan banjir dengan peruntukan RM716 juta. Program Pengurusan Sungai akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir dan pencemaran serta meningkatkan tahap kualiti air sungai dengan peruntukan RM107 juta.

Pembuangan sisa pepejal, termasuk di beberapa pulau peranginan, merupakan satu masalah yang harus diatasi dengan segera. Pengurusan sisa pepejal yang tidak sempurna telah menyebabkan pencemaran alam sekitar dan memberi imej negatif kepada sektor pelancongan negara, termasuk di Pulau Pangkor dan Pulau Tioman. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah memperuntukkan RM179 juta, termasuk untuk kerja pembaikan loji mini insinerator, di samping menaik taraf pelupusan sedia ada supaya pelupusan sisa pepejal diuruskan secara lebih teratur dan terkawal.

Kerajaan akan terus berusaha mengurangkan pergantungan kepada sumber bahan bakar fosil dan mempelbagaikan sumber bahan bakar boleh diperbaharui, terutamanya biodiesel. Penggunaan bio-diesel yang mesra alam dapat meningkatkan kualiti udara. Untuk ini, Bank Pembangunan Malaysia akan menubuhkan Dana Bio-diesel berjumlah RM500 juta bertujuan memajukan lagi industri bio-diesel.

Dalam Bajet 2006, geran sebanyak RM50 ribu telah diberi bagi setiap bas monogas yang diperolehi bagi tempoh sehingga 2008. insentif ini akan diperluaskan dengan memberi geran sebanyak RM25 ribu kepada setiap bas sedia ada yang menukar kepada penggunaan gas sebelum akhir 2008.

Menjamin Keselamatan Awam

Kerajaan akan memastikan keselamatan awam sentiasa dijamin. Kerajaan akan mempertingkatkan keupayaan dan peranan PDRM. Untuk meningkatkan kecekapan operasi PDRM, RM4.9 bilion diperuntukkan. Selain itu, kerajaan akan melaksanakan *Program Command, Control, Communication and Computerization for Information* untuk pemasangan CCTV di beberapa kawasan yang sering berlaku jenayah. Atas hasrat mahu menjamin keselamatan serta meningkatkan keyakinan awam, kereta peronda polis akan ditambah 2,000 unit untuk meningkatkan kekesanan dan rondaan serta tiga ribu jawatan pemandu polis akan ditambah. Elaun gantian motosikal yang sedia ada untuk polis peronda akan dinaikkan daripada RM80 kepada RM120.

Menghayati Kesenian, Kebudayaan dan Warisan

Kerajaan akan meneruskan program membudayakan seni bagi mendekatkan masyarakat umum dengan menyemarakkan lagi kegiatan kesenian. Peruntukan RM685 juta disediakan untuk pembangunan dan pengurusan kegiatan kesenian, kebudayaan dan warisan, termasuk membina Taman Negeri di Sabah dan Kelantan, mengubahsuai Bangunan Sultan Abdul Samad, membangunkan Muzium Sutera di Chendering, Terengganu serta kempen budi bahasa dan amalan nilai-nilai murni. Langkah mempromosi hasil kraf tangan, termasuk batik, kain tenun dan songket ke luar negara akan di perhebatkan, termasuk mengadakan pameran *Malaysian Textile Heritage* di peringkat antarabangsa.

Malaysia sangat bertuah kerana memiliki kekayaan warisan budaya di samping insan seni berbakat tinggi dalam bidang seni kreatif. Pembangunan kandungan media dan seni kreatif termasuk perfileman dan animasi, mempunyai potensi untuk dimajukan di pasaran domestik dan antarabangsa. Bagi memantapkan lagi industri ini, kerajaan akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk menghasilkan kandungan media yang berkualiti tinggi khasnya untuk dieksport. Untuk ini kerajaan akan menubuhkan Dana Pembangunan Industri Kreatif dengan peruntukan permulaan RM100 juta serta mengenal pasti pihak swasta untuk melabur secara usaha sama dan membangunkan industri kreatif.

Untuk menggalakkan lagi penglibatan sektor swasta dalam menaja persembahan dan pertunjukan kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan, kerajaan mencadangkan sumbangan sektor swasta yang pada masa ini diberi potongan cukai sehingga RM300 ribu dinaikkan kepada sehingga RM500 ribu.

TERAS KELIMA: MENGUKUHKAN KEUPAYAAN INSTITUSI DAN PELAKSANAAN

Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

Sistem penyampaian kerajaan yang telus, cekap dan efisien amat penting untuk memastikan matlamat pembangunan negara yang berterusan dicapai. Usaha-usaha bersungguh yang diperlihatkan oleh kakitangan perkhidmatan awam amatlah menggalakkan. Perkhidmatan awam yang cekap dan efisien akan membantu secara langsung produktiviti negara dan meningkatkan keyakinan para pelabur. Oleh yang demikian, kita perlu melipatgandakan inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan jentera penyampaian kerajaan dengan mengamalkan prinsip penzahiran, ketelusan, akauntabiliti dan saling mempercayai. Sebagai contoh, SC telah pun melaksanakan pengawalseliaan berteraskan penzahiran (*disclosure-based regulation*), sementara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang melaksanakan kaedah sijil Layak Menduduki (CFO) berasaskan empat prinsip tersebut.

Satu lagi bidang yang akan menggunakan prinsip tersebut ialah pembangunan infrastruktur ICT di luar bandar. Pada masa ini, syarikat telekomunikasi menyumbang kepada Kumpulan wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) yang akan dimanfaatkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk membangunkan talian telefon tetap dan perkhidmatan internet di luar bandar. Sebagai langkah maju ke hadapan, MCMC akan menzahirkan senarai projek-projek telefoni di luar bandar yang akan

dilaksanakan pada tahun berikutnya. Berasaskan prinsip saling mempercayai, syarikat-syarikat telekomunikasi akan dibenar menggunakan sebahagian daripada sumbangan mereka dalam dana USP untuk terus melaksanakan projek-projek USP. Walau bagaimanapun, mereka bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan projek dalam tempoh dan kos yang ditetapkan oleh MCMC diharapkan pencapaian seumpama ini dijadikan inspirasi dan teladan oleh kementerian dan agensi lain melaksanakan kaedah yang dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Pada masa ini, kedengaran rintihan orang awam mengenai kelewatan mendapatkan kelulusan CFO dan lesen. Pihak berkenaan semestinya memudah dan bukan menyusah (*facilitate not frustrate*) dalam urusan memproses kelulusan. Di samping itu, kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak sempurna dan perkhidmatan kutipan sampah yang tidak memuaskan telah menyebabkan pencemaran dan pemusnahan alam sekitar termasuk sungai. Banjir kilat dan tanah runtuh juga telah mengorbankan harta benda dan nyawa. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Penguatkuasaan perlu ditingkatkan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab mencemar alam sekitar, serta tindakan tegas perlu dikenakan ke atas pemaju yang hanya mementingkan keuntungan tanpa mengambil kira keselamatan awam. Semua pihak yang terlibat termasuk pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri serta kementerian dan jabatan berkenaan telah diarah memberikan tumpuan khusus untuk mengatasi masalah ini.

Kerajaan prihatin terhadap perlunya mempermudah lagi urusan pembayaran bil-bil agensi kerajaan seperti bil elektrik, telefon dan air. Pada masa ini, Pos Malaysia merupakan satu daripada agen pungutan bagi bayaran bil daripada 125 agensi kerajaan. Memandangkan Pos Malaysia mempunyai 665 pejabat pos dan 254 pejabat pos mini di seluruh negara, kemudahan pembayaran bil di Pos Malaysia diperluaskan lagi untuk merangkumi pembayaran bil agensi-agensi lain kerajaan, seperti cukai tanah, cukai pintu dan pemetungan.

Mempermudahkan Urusan Imigresen

Kita masih menghadapi kekurangan tenaga mahir dalam beberapa bidang. Kita perlu menarik ramai tenaga profesional warga Malaysia yang masih bermastautin di luar negara, untuk kembali berkhidmat di negara kita. Mereka merupakan sumber tenaga mahir yang boleh kita perolehi segera. Program *Brain Gain* Malaysia dilaksanakan untuk menarik pakar sains dari dalam dan luar negara untuk bekerjasama dalam membangunkan kluster teknologi R&D, termasuk pertanian, bioteknologi dan ICT.

Kita juga perlu menarik lebih ramai profesional untuk bekerja di Malaysia, terutama dalam sektor pertumbuhan baru. Salah satu faktor penting dalam menarik tenaga kerja mahir asing ialah dengan mempermudah proses mendapatkan visa dan permit kerja. Jabatan Imigresen telah mencapai banyak kejayaan dalam mempercepatkan urusan permohonan pasport, visa dan permit kerja. Untuk terus mempercepatkan lagi proses tersebut, unit Imigresen di MIDA dan MDeC yang mempunyai kuasa meluluskan visa dan permit kerja ekspatriat akan ditubuhkan. Untuk memudahkan urusan orang awam dengan Jabatan Imigresen, dua buah cawangan baru Wilayah Persekutuan akan diwujudkan di Cheras dan Wangsa Maju. Bagi pekerja profesional dan golongan peniaga, Jabatan Imigresen akan menyediakan kaunter khas di pejabat Imigresen di bandar utama. Sehingga kini, terdapat hampir 33,400 ekspatriat yang sedang berkhidmat di negara ini. Suami atau isteri ekspatriat, yang mempunyai kelayakan profesional, turut dibenarkan bekerja di Malaysia.

Usaha juga akan diambil bagi mempermudah kemasukan pelancong asing. Kedatangan pelancong dari India dan China telah meningkat 28 peratus di antara tahun 2004 ke tahun 2005. Bagi menggalakkan lagi kedatangan pelancong dari negara-negara tersebut, kemudahan *multiple entry visa* (MEV) diberikan untuk tempoh satu tahun bagi semua pelawat dari India dan China serta dipanjangkan kepada negara-negara Asia Barat. Bagi mempercepat dan mempermudah lagi proses permohonan visa, sebuah lagi pejabat konsulat akan mula beroperasi di Mumbai, sebagai tambahan kepada pejabat yang sedia ada di New Delhi dan Chennai. Di samping itu, *visa on arrival* bagi tempoh sebulan

akan diberi kepada semua pelancong asing, kecuali daripada negara-negara tertentu mulai 1 September 2006.

Bagi mengurangkan kesesakan di kaunter permohonan pembaharuan pasport, Kiosk Penggantian e-Pasport yang pada masa ini beroperasi di Pejabat Imigresen, Wilayah Persekutuan akan diperluaskan ke Putrajaya, Shah Alam, Klang, Kajang, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Kiosk ini berfungsi sebagai kaunter penerimaan permohonan, pengesahan, kelulusan dan pembayaran untuk pembaharuan e-Pasport.

Meningkatkan Kualiti Pengangkutan Awam

Kerajaan terus berusaha meningkatkan kecekapan pengangkutan awam, khususnya di bandar utama. Di Lembah Klang, Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) sedang melaksanakan program menambah kapasiti bas dan rel bandar serta infrastruktur lain, yang akan melibatkan pelaburan 10 bilion ringgit dalam tempoh 2006 hingga 2010. Syarikat RAPID KL telah mula melaksanakan satu rangkaian perkhidmatan bas baru bagi menambah baik integrasi antara perkhidmatan bas dan rel. Lebih 1,000 buah bas baru sedang diperolehi. Apabila dilaksanakan sepenuhnya pada penghujung tahun ini, rangkaian baru ini akan memberi perkhidmatan bas kepada 980 kawasan perumahan, peningkatan 53 peratus. Pada masa yang sama, waktu menunggu telah dapat dikurangkan kepada 15 minit hingga 30 minit, berbanding satu hingga dua jam yang pernah dialami di beberapa laluan sebelum ni. Matlamat RAPID KL adalah untuk mengurangkan waktu menunggu kepada 15 minit bagi semua laluan bas menjelang akhir tahun ini.

Untuk memperluaskan lagi perkhidmatan rel bandar, SPNB sedang dalam proses menambah 140 lagi bilangan tren, serta melaksanakan penyambungan laluan rel daripada Kelana Jaya ke Subang Jaya dan USJ, serta daripada Sri Petaling ke Puchong, yang dijangka siap pada tahun 2009. Satu laluan rel baru juga sedang dirancang pelaksanaannya, yang akan menghubungkan Kota Damansara ke Cheras, dan dijangka siap pada tahun 2010. Landasan berkembar rel komuter daripada Sentul ke Batu Caves akan dilaksanakan oleh KTM. Dengan ini, laluan rel bandar di Lembah Kelang akan dapat dipanjangkan daripada 206 km kepada 264 km dan kapasiti penumpang ditingkatkan daripada setengah juta penumpang kepada satu juta penumpang sehari.

Untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur, dua terminal pengangkutan bersepadu bagi bas dan rel akan dibina di Bandar Tasik Selatan dan Gombak secara PFI. Untuk memudahkan perjalanan pengguna pengangkutan awam, integrasi tiket telah mula dilaksanakan, dengan penggunaan sistem satu tiket bagi semua perkhidmatan bas dan rel di bawah RAPID KL, termasuk penggunaan *Touch n Go*. Sistem ini dijangka dapat diperluaskan kepada semua sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang.

Bagi membantu pengusaha bas dan teksi memperolehi kenderaan baru, selaras dengan dasar penetapan had usia kenderaan, tujuh tahun bagi teksi dan sepuluh hingga 15 tahun bagi bas komersial, Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam akan ditubuhkan sebagai tabung pusingan di bawah SME Bank, dengan peruntukan permulaan 200 juta ringgit bagi tahun 2007. Dana ini akan mengenakan kadar faedah konsesi sebanyak 4.5 peratus.

Menghargai Perkhidmatan Awam

Dalam melaksanakan Misi Nasional, anggota perkhidmatan awam perlu memainkan peranan yang lebih besar dan ini memerlukan tumpuan kepada prestasi kerja yang cemerlang. Indeks Prestasi Utama (KPI) telah pun diperkenalkan di beberapa agensi sektor awam semenjak tahun lepas. Pelaksanaan KPI akan diperluaskan ke semua Kementerian dan agensi kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Langkah susulan akan diambil supaya ganjaran serta kenaikan pangkat kakitangan awam diasaskan kepada pencapaian KPI.

Kerajaan menghargai sumbangan dan dedikasi anggota perkhidmatan awam dalam memudah dan menjayakan pelaksanaan program pembangunan negara. Untuk menambah baik kualiti hidup kakitangan yang berpendapatan rendah, Kerajaan akan menaikkan Imbuhan Tetap Khidmat Awam kepada lebih sejuta kakitangan kumpulan sokongan antara RM30 hingga RM50 ringgit, berkuat kuasa 1 Januari 2007... [Tepuk]

Pada masa ini, bantuan kos sara hidup telah pun dinikmati oleh anggota perkhidmatan awam yang tidak mendiami kuarters Kerajaan. Mulai 1 September 2006, bantuan tersebut akan dipanjangkan juga kepada mereka yang mendiami kuarters kerajaan, dengan kadar 50 peratus daripada kadar yang diberikan kepada mereka yang tidak mendiami kuarters Kerajaan. Bantuan ini akan memanfaatkan lebih 146 ribu kakitangan Kerajaan.

Menyedari akan harga rumah yang semakin meningkat, kerajaan akan meningkatkan kelayakan pinjaman perumahan kakitangan awam sebanyak 20 peratus, berkuat kuasa serta-merta.

Sebagai menghargai sumbangan anggota perkhidmatan awam dalam mencapai matlamat negara, Kerajaan akan memberi bonus bagi tahun 2006. Untuk anggota yang berpendapatan sehingga RM750 ringgit, mereka akan diberi bonus bersamaan dua bulan gaji. Anggota yang berpendapatan melebihi RM750 ringgit, bonus bersamaan satu bulan gaji akan dibayar tertakluk kepada bonus minimum RM1,500. Bonus akan diberi dalam dua bayaran, pada bulan Oktober dan Disember, 2006... [Tepuk]

Bantuan Kepada Pesara

Kerajaan prihatin ke atas kesan peningkatan kos sara hidup bagi mereka yang telah bersara, terutamanya mereka yang mendapat pencen yang rendah. Untuk meringankan beban golongan pesara tersebut, Kerajaan akan memberi bayaran khas sekali sahaja, seperti berikut:

- (i) bagi mereka yang menerima pencen kurang daripada RM750 sebulan akan diberi RM400; dan
- (ii) bagi mereka yang menerima pencen RM750 sebulan dan ke atas akan diberi RM200.

Tuan Yang di-Pertua, Negara kini berada di titik permulaan pelaksanaan fasa kedua Wawasan 2020. Dalam fasa pertama, pelbagai kemajuan dan kejayaan telah dicapai. Sesungguhnya dengan kejayaan cemerlang yang telah diperolehi, di samping sokongan padu dan iltizam kukuh semua rakyat Malaysia, kita sememangnya bersedia memasuki fasa kedua Wawasan 2020 dengan lebih yakin dan pada landasan yang lebih kukuh.

Dalam meniti perjalanan 15 tahun ke hadapan ini, kita akan menghadapi pelbagai dugaan – pelbagai cabaran; kita mungkin memiliki pelbagai kelemahan – pelbagai ketidaksempurnaan. Kita juga mungkin melakukan kesilapan. Kita harus mengamalkan sikap terbuka – senantiasa bersedia untuk belajar dan terus belajar; mengambil pengajaran – mengambil iktibar; membina kekuatan – mengatasi kelemahan. Kita perlu terus bersatu-berpadu, membina satu warga bangsa yang kukuh teguh dalam kepelbagaian latar belakang agama, kaum dan budaya. Kita harus mengamalkan sifat bersyukur, sifat hamba yang menyedari akan kebesaran pencipta-Nya; tempat kita menyandarkan pegangan untuk membina keyakinan dalam menghadapi cabaran. Hayat manusia terlalu suntek untuk kita bersengketa; alam ciptaan Ilahi adalah untuk manusia memakmurkan kebahagiaan, membina perhubungan persaudaraan dan menjalin silaturahim.

Marilah kita bersama melangkah ke hadapan dengan bersatu niat – berpadu usaha membina warga yang berpadu dan bersatu dan negara yang aman makmur lagi sejahtera. Insya-Allah, matlamat murni Misi Nasional untuk mencapai pembangunan yang lebih pesat supaya semua lapisan rakyat dapat meraih kesejahteraan dan menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi akan tercapai jua. Marilah kita bersama bertekad dan berusaha dengan lebih gigih, tekun dan jujur untuk membina sebuah negara maju menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan dan diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua atas Rang undang-undang Perbekalan 2007 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2007, hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadangkan dan disokong. Dengan demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 4 September 2006... [*Tepuk*]

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang.